



Anak Mat Lela Gila

Ishak Haji Muhammad

[Download now](#)

[Read Online](#) 

Anak Mat Lela Gila

Ishak Haji Muhammad

Anak Mat Lela Gila Ishak Haji Muhammad

Anak Mat Lela Gila karya Ishak Haji Muhammad pertama kali diterbitkan pada tahun 1960. Ia mengisahkan seorang pemuda yang dianggap gila oleh penduduk kampung- suka membersihkan laman masjid namun tidak pernah menjengah ke dalamnya. Novel yang dibelai dengan penuh perhatian ini terkandung banyak maksud tersirat. Ishak Haji Muhammad secara halus menyampaikan kritik sosial melalui karya ini dengan gaya bahasa lama yang mudah untuk difahami.

Walaupun novel ini dihasilkan 40 tahun yang lalu, namun Ishak Haji Muhammad atau Pak Sako seperti sudah tahu penyakit yang akan dihadapi oleh generasi akan datang. Kebanyakan isu-isu masyarakat yang diketengangkannya adalah malar segar dan masih berlaku sehingga ke hari ini lalu dapat kita rasakan pemikiran Pak Sako merentasi zamannya.

Anak Mat Lela Gila Details

Date : Published 2012 by Institut Terjemahan & Buku Malaysia (first published January 1st 1941)

ISBN :

Author : Ishak Haji Muhammad

Format : Paperback 184 pages

Genre : Literature

 [Download Anak Mat Lela Gila ...pdf](#)

 [Read Online Anak Mat Lela Gila ...pdf](#)

Download and Read Free Online Anak Mat Lela Gila Ishak Haji Muhammad

From Reader Review Anak Mat Lela Gila for online ebook

Kubah Hijau says

Buku yang megisahkan kehidupan seorang yang dianggap kurang siuman pada pandangan masyarakat, iaitu mat lela ...yang dikatakan gila...tetapi perbuatanya jika difikirkan ianya benar juga. mungkin masyarakat telah diajar begitu maka.. apa yang pelik dianggap salah.

Mat lela dikejutkan dengan seorang anak yang tiba2 muncul di pondoknya, dan kisah kehidupan anak itu yang penuh ranjau sehingga dewasa melahirkan beberapa kritikan sosial kepada masyarakat pada masa itu, dan jika dibandingkan dengan masyarakat pada hari ini , tidak jauh bezanya.....

banyak iktibar dan beberapa fikiran patut ada dalam benak pembaca apabila membaca buku ini.

*lambat review....HP rosak

Radzi Anua says

Penulisan yang sarat diisi dengan sindiran-sindiran dan kritikan sosial masyarakat di zaman awal merdeka. Sayangnya sindiran dan kritikan yang ditimbulkan terlalu sarat, mendatangkan impresi paksaan yang dipadat-padatkan dalam plot yang gopoh dan tergesa-gesa. Jalan cerita yang digambarkan pula sungguh simplistik, kelihatan cukup mudah sehingga menghampiri (sesetengahnya melangkaui) sempadan logik akal. Buku ini mudah dibaca dengan penggunaan bahasa yang bersahaja dan "evergreen". Tetapi untuk menghabiskannya memerlukan iltizam dan keazaman yang tinggi.

Encik Psychopath says

Bahasanya lembut, klasik dan senang untuk dihadami serta kosa katanya tidak banyak yang berbeza dengan yang ada sekarang. Penuh nilai moralnya, sopan lenggok bahasanya dan tertib naratif penceritaannya.

Tulisan dan kritikan sosialnya masih segar, relevan dengan masa kini walaupun sudah berusia lebih 50 tahun.

Syed Muhammad Danial says

satu novel klasik yang bagus dan membuat kita fikir akan kehidupan seorang insan

Khairussyifa' Shukri says

Suka dengan gaya bahasanya yang sederhana. Kurang dialog jika dibandingkan dengan kebiasaan novel terkini, banyak penceritaan namun tetap tidak membosankan. Banyak persamaan dengan karya Buya Hamka dari segi mesej dibawa yang merentas masa.

Ada persamaan dengan buku Sang Alkemis, karya Puolo Coelho bahawa sekali seumur hidup kita pasti ditemukan dengan seseorang yang budiman - perantara yang mengenalkan kita akan hakikat kehidupan.

Alin Sihite says

membaca 'anak mat lela gila' membuat saya teringat pada karya Hermann Hesse- Siddhartha

bagaimana sebuah perjalanan (kehidupan) dan segala keperitannya membuka mata kita untuk menilai baik buruk sesuatu.

terlalu banyak pengajaran yang boleh dikutip dalam setiap bab.

yang belum baca, sila la baca.

Miyuke says

Novel tulisan Pak Sako kebanyakannya amat sinikal sekali, tidak terkecuali naskah ini. Berlatar belakangkan adat dan budaya Melayu yang semakin pupus, penulis memberi gambaran tentang perilaku, pemikiran manusia, keagamaan dan isu-isu harian yang kebanyakannya masih dipraktikkan dan berlaku sehingga hari ini (baik & buruk).

Mengisahkan kisah watak utama yang dikenali sebagai Bulat. Membawa pembaca menelusuri kehidupan Bulat yang penuh dengan pancaroba, sekaligus memberinya pengajaran tentang kehidupan.

Pada pendapat saya, watak yang perlu disanjung dalam novel ini adalah Mat Lela Gila itu sendiri. Membawa kepada saya berfikir dengan lebih lanjut, adakah Mat Lela Gila itu sememangnya gila atau keadaan persekitaran serta kelompok manusia yang ada di sekelilingnya yang membuatkan kewarasannya hilang?

Sebuah novel yang baik untuk kita berfikir sejenak selepas membacanya.

Shahrul AhLami says

Anak Mat Lela Gila. Ishak Haji Muhammad a.k.a. Pak Sako. Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM). 2012.

1) Buku ini merupakan terbitan semula.

2) Anak Mat Lela Gila = Mat Lela dianggap gila oleh orang-orang kampungnya & dia mempunyai seorang anak angkat bernama Bulat.

3) Mat Lela dianggap gila kerana suka buat benda yang pelik. Antaranya, dia suka membersihkan kawasan masjid tapi, dia sendiri tak pernah masuk ke masjid itu untuk bersolat.

4) Mat Lela juga dianggap gila sebab dia tak suka duit. Dia cakap, duit ni boleh membuatkan orang ramai menjadi gila & sanggup putus saudara hanya kerana duit.

- 5) Bulat, anak angkat Mat Lela telah ditinggalkan ibunya di pondok buatan Mat Lela Gila.
- 6) Bulat perlu menemui pelbagai jenis manusia bagi menemui semula ibu bapa kandungnya. Dan akhirnya.....tetttt !
- 7) Kau bacalah sendiri pengakhiran cerita ini. Aku malas nak taip panjang-panjang.
- 8) Karya Pak Sako ini mengandungi banyak maksud tersirat. Kau carilah sendiri maksud tersirat tu. ?.
- 9) Novel ini ditulis dengan gaya bahasa lama. Ada sesetengah perenggan yang perlu diulang baca sebelum dapat difahami.
- 10) Ok, itu sahaja. Selamat membaca !

#duniaBOOKku?
#alonalonjanjikelakon
#breatheNread

Adi says

suka membersihkan laman masjid namun tidak pernah menjengah ke dalamnya :)
lucu tapi mendalam

Syahiran Ramli says

Sebuah lagi novel yang ditulis oleh Ishak Haji Muhammad atau dikenali sebagai Pak Sako sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan adalah Anak Mat Lela Gila. Kali pertama diterbitkan pada tahun 1941 dan diterbitkan semula oleh ITBM pada tahun 2012, sedikit sebanyak mengembalikan nostalgia kepada pembaca-pembaca baru yang ingin menyelami bersama keadaan masyarakat dahulu kala. Novel Anak Mat Lela Gila terbitan ITBM ini mempunyai sebanyak 184 muka surat, lebih tebal daripada tulisan pertama Pak Sako iaitu Putera Gunung Tahan. Jika Putera Gunung Tahan lebih berkisar tentang kritikan penulis terhadap bangsa penjajah, Anak Mat Lela Gila pula lebih menekankan kisah anak bangsa Melayu.

Ia mengisahkan tentang seorang pemuda yang dikenali sebagai Mat Lela Gila (nama sebenarnya Mat Lela), tetapi disebabkan penduduk kampung mengatakan Mat Lela itu gila maka melekatlah nama Mat Lela Gila tersebut. Mat Lela Gila ini mempunyai perangai yang dikatakan pelik sehinggakan digelar gila, iaitu suka membersihkan laman masjid, rambutnya tumbuh panjang sehingga mengerbang, suka bercakap seorang diri, suka merayau-rayau seorang diri di hutan dan sebagainya. Sehingga suatu hari, Mat Lela Gila bertemu dengan Bulat, seorang anak kecil yang baru lahir yang telah ditinggalkan oleh ibunya di pondok Mat Lela Gila. Sejak daripada itu, Mat Lela Gila menjaga Bulat yang tidak diketahui oleh penduduk kampung walaupun dikatakan gila, tetapi tetap boleh menjaga Bulat sebaik mungkin.

Apa yang boleh aku katakan selepas mengakhiri pembacaan Anak Mat Lela Gila adalah novel ini betul-betul menggambarkan seolah-olah aku sedang menonton filem-filem hitam putih (filem lama). Dengan penggunaan bahasanya yang klasik, menggambarkan bahawa Bahasa Melayu itu sangatlah indah. Antara yang menarik perhatian penggunaan kata 'acu teraikan', yang aku sangka perkataan tersebut merupakan perkataan baru yang selalu digunakan sewaktu aku kecil, rupa-rupanya sudah lama digunakan. Penggunaan

latar tempat di Singapura juga menggambarkan bahawa kita dahulu pernah bersama, tetapi sudah takdir Tuhan, Singapura kini sudah berpisah dengan kita. Kalau kita perhatikan filem-filem lama, kebanyakannya filem tersebut berlatarkan kota Singapura yang menggambarkan industri seni yang pesat di sana dari seni muziknya, seni filemnya, seni budayanya dan sebagainya. Perkara tersebut telah digambarkan oleh Pak Sako apabila Bulat merantau ke Singapura untuk mengembangkan bakatnya dalam seni muzik.

Berbalik pada Mat Lela yang dikatakan gila itu, Pak Sako telah mentakrifkan gila itu kepada tiga. Yang pertama adalah, gila itu ialah perbuatan, kelakuan dan keadaan yang berlainan daripada lazim; yang bersalahan dengan adat kebiasaan, yang menyalahi peraturan hidup dan ajaran agama, umpamanya seperti berjalan seorang itu di jalan raya, atau di tengah khalayak yang ramai - di tengah terang, keadaannya bertelanjang tiada berkain seurat benang pun. Maka itulah dikatakan perbuatan yang gila, tetapi sudah tentulah orang berkelakuan demikian itu gila? Yang keduanya, adapun gila itu ialah suatu jenis penyakit yang mengenai otak - kata tabib atau dukun atau doktor kita zaman sekarang. Orang yang kena penyakit itu hilang akalnya dan rosak fikirannya; tiada senonoh tingkah lakunya, tidak tentu budi pekertinya. Yang ketiga, gila atau tidaknya seseorang itu atau perbuatannya tertakluk kepada keputusan orang ramai, kepada muafakat dan kata orang ramai. Jikalau kata tabib si anu itu tidak gila, tidak sakit atau rosak otaknya dan tiada akal fikirannya, tetapi orang ramai mengatakan gila, maka gilalah ia.

Dan yang definisi yang ketiga tersebutlah Pak Sako mengkritik masyarakat waktu tersebut iaitu suka menuduh seseorang tanpa usul periksa. Apabila 'majoriti' menuduh ia gila, maka gilalah dia, walaupun perkara tersebut tidak pernah dibuktikan oleh seseorang yang lebih arif. Dan perkara tersebut tidaklah menghairankan jika perkara itu berlaku di zaman yang serba moden ini. Menuduh tanpa sebarang bukti. Bercakap-cakap tentang sesuatu perkara sedangkan kita tidak berada dalam situasi tersebut. Pak Sako juga seolah-olah sudah menggambarkan situasi tersebut akan berlaku pada masa hadapan (abad ke 21) di halaman 25 dan 26; "Orang-orang pada zaman akan datang akan gemar sekali bercakap-cakap pada perkara-perkara yang mereka tidak tahu, merendahkan mutu orang lain: menghina dan mencela dengan tidak usul periksa lebih dahulu dan dengan tidak bersebab apa-apa."

Satu lagi sikap yang ditampilkan oleh Pak Sako terhadap masyarakat bangsa Melayu ketika itu adalah suka bercakap belakang (mengumpat) yang sehingga kini sikap tersebut masih tetap berada dalam diri. Ini digambarkan ketika masyarakat bangsa Melayu Islam yang sedang dalam persiapan menunaikan Haji di Mekah sempat berkata-kata yang buruk dalam sesi pertemuan di antara Bulat, Johari dan Siti Permai di bilik penginapan Singapura. Digambarkan pada halaman 137, "Berkata pula perempuan yang ketiga, "Berbetulan waktu mereka bercakap bertiga itu saya belum tidur. Saya mengintai dari celah tabir dan saya Nampak Permai duduk dekat sangat dengan orang yang bukan suaminya itu, dan nampaknya ia tersenyum sambil bermain mata; tetapi yang sebenarnya saya tak nampak cukup jelas sebab lubang pada kain tabir saya itu kecil sangat; ada sebesar lubang jarum sahaja." Dan selepas daripada sesi perbualan tersebut, Pak Sako menegur pada halaman 138, "Demikianlah mereka itu bercakap-cakap dari satu fasal berjangkit kepada satu fasal; mengumpat, mengeji dan mengata-ngata orang lain sambil memuji-muji akan diri mereka itu sendiri".

Sungguhpun begitu, walaupun banyak sisi-sisi buruk yang ditampilkan oleh Pak Sako terhadap bangsanya sendiri bukan bermakna Pak Sako tidak sayang terhadap bangsanya, bahkan ia sepatutnya menjadi titik tolak kepada bangsa Melayu membuktikan bahawa kita boleh menjadi lebih baik tidak seperti apa yang digambarkan di dalam Anak Mat Lela Gila. Sifat-sifat terpuji seperti menghormati orang yang lebih tua yang digambarkan terhadap Bulat kepada ibunya, Elis Sakti, haruslah dikekalkan. Sepertimana halaman 151, "Bulat dengan tidak tersipu-sipu dan tertib lakunya telah menyambut tangan yang putih bersih itu lalu dikucupnya. Perbuatan yang demikian nyatalah luar biasa dalam majlis orang-orang Melayu dan kejadian itu dilihat oleh ramai orang yang hadir dengan kehairanan dan masing-masing pun mulalah berpandangan dan setengahnya pun berbisik-bisik. Akan tetapi kepada Bulat perbuatannya bukannya luar biasa, bukannya ganjil bahkan penghormatan yang memang dituntuti kerana perempuan itu ialah ibunya."

Secara peribadi, walaupun buku ini telah ditulis 76 tahun yang lalu, ia tetap relevan sehingga kini untuk

dibaca. Bacalah!

AriffHidayah says

Anak Mat Lela Gila karya Pak Sako. Ini adalah buku pertama yang saya baca dari Siri Sastera Klasik Sako terbitan ITBM. Apa yang boleh dikatakan, banyak pengajaran, nasihat dan panduan terutamanya kepada golongan muda. Cukup tersentuh kisah kehidupan Bulat dari sekecil bayi hingga ke dewasa remaja. wlpn karya ini dihasilkan 40 tahun yg lalu, namun kata-kata nasihat yang dititipkan dalam jalan cerita novel ini, sangat berguna kepada generasi masa sekarang.

Rebecca says

Goodreads would not let me write a longer status update, so here goes.

9/17/2012

Am currently on page 113 of 184 of "Anak Mat Lela Gila" by Pak Sako.

Dalam "Putera Gunung Tahan" yang terbit pada tahun 1937 iaitu 20 tahun sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Pak Sako 'memukul' habis golongan penjajah.

Dalam novel "Anak Mat Lela Gila" yang terbit pada tahun 1960, tiga tahun selepas merdeka ini pula, Pak Sako mengkritik dengan tajam serta keras sekali segala macam kejelikan sikap orang Melayu.

Secara umum, dapat dilihat bagaimana pengisian karya Pak Sako berubah mengikut keperluan dan peristiwa zaman. "Putera Gunung Tahan" meniupkan semangat kebangsaan di kalangan penduduk Tanah Melayu, manakala "Anak Mat Lela Gila" pula seperti membayangkan rasa hati Pak Sako agar anak bangsanya mengenyahkan tingkah bobrok lagi melekakan mereka daripada perjuangan lebih besar iaitu pemeliharaan dan pengisian makna kemerdekaan yang baru dicapai.

I think these two novels portray Pak Sako as the embodiment of what Edward Said explored in his book "Culture and Imperialism", that is authors are never removed from historical context. Therefore, they do not, or rather, could not write freely or without constraint.

Said drew our attention to Joseph Conrad and his novel, "Heart of Darkness." Even though Conrad severely criticized colonization in Africa, he did not, or rather, could not provide the colonized their own voice, let alone something as monumental as independence. This is because such a conception did not exist during the time when the novel was conceived, written and published.

Personally, I think here comes the paradox of postmodern writers.

Nazmi Yaakub says

Membaca kritikan Pak Sako terhadap watak bangsanya pascamerdeka daripada sindiran terhadap masyarakat yang memandang aneh dan lucu pada feel perangai Mat Lela Gila kepada watak suami isteri yang menemui Bulat di rumah Mat Lela hinggalah pasangan muda-mudi yang hanya hidup berjoli hingga papa. Begitu juga

kritikan terhadap bangsanya hasil renungan gurunya, Alang Sakai terutama soal perpaduan dan pembaikan diri.

Erlena says

Sarat dengan kritikan sosial tentang orang Melayu namun tidak jemu membacanya kerana pengolahan yang amat mudah difahami.

Anak Mat Lela Gila jelas membuktikan bahawa pelajaran terpenting yang mendewasakan seseorang anak ialah pengalaman perit-getir yang ditempuhi sepanjang hidupnya; bukanlah kekayaan harta, keturunan mahupun kelebihan diri dari kecantikan dan bakat yang dimiliki. Adapun apa yang diwarisi tidakkan datang bergolek kejayaan tanpa usaha dan tekad.

Juga memerhati dan mengutip teladan dari kesilapan orang yang dijumpai; Johari dan Permai (keluarga angkat), Rokiah dan orang pondok di Bachok, pasangan muda di Cameron Highland, Haji Osman yang tamak, Alang Sakai sehingga kepada Ibu dan Ayah Bulat. Tak lupa pendeta bijaksana, Mat Lela Gila yang mengajarnya untuk berdiri atas pegangan jalan yang benar dan biarkan apa sahaja cemuhan orang keliling yang suka membuat cerita yang tidak benar.

Melewati akhir buku ini, entah mengapa saya terfikir mungkinkah ini cerita benar perjalanan hidup seseorang? ? Apapun, pengisian yang memang malar segar!

nazhsahaja says

salah satu sebab bagusya membaca buku-buku daripada sasterawan lama adalah kita dengan sendirinya boleh tercampak dengan real dalam zaman yang ditulis penulis. aku suka bila pak sako meletakkan plot kota singapura dalam naskahnya yang ini. dan seperti yang kita tahu pak sako sendiri pasti tidak dapat mengagak bahawa satu hari nanti anak cucunya akan memandang singapura sebagai kota yang asing dan luar daripada negaranya. jadi kota singapura yang ditulis dalam Anak Mat Lela Gila (AMLG) seperti satu rahmat buat aku si pembaca generasi baru yang selama ini tidak pernah terbayang bahawa memasuki singapura waktu dulu sebenarnya semudah memasuki pulau pinang pada zaman sekarang tanpa perlu melalui imegresen dan sekeping buku merah.

ya, singapura pernah menjadi sebahagian daripada kita. dan ia terasa benar bukan mimpi ketika melewati Salina dan Anak Mat Lela Gila.
